



LAPORAN TAHUNAN 1989

PA
Stampan.
21191.

JABATAN
PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR
DAN
TAMAN NEGARA
SEMENANJUNG MALAYSIA

KUATKUASA UNDANG-UNDANG HIDUPAN LIAR

Bahagian ini melaporkan tentang keseluruhan aktiviti Kuatkuasa Undang-undang dari setiap negeri dan Bahagian Kuatkuasa Undang-undang di Ibu Pejabat. Bahagian ini juga bertanggungjawab tentang hal-hal yang bersangkutan dengan peranan jabatan di dalam Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies-spesies Flora dan Fauna yang Terancam (CITES).

KUATKUASA UNDANG-UNDANG

Sejumlah 4948 kes melanggar peruntukan Akta Perlindungan Hidupan Liar 76/72 telah diperolehi. Negeri yang paling banyak memperolehi kes ialah Johor iaitu berjumlah 873 kes. Butiran lanjut mengenai kes-kes yang diperolehi sepanjang tahun 1989 adalah seperti di dalam Jadual 2a.

Jadual 2a: Ringkasan Pencapaian Kes.

NEGERI	JENIS KES			Jumlah
	Teknikal	Bukan Teknikal	Mahkamah	
Johor	442	419	12	873
Perak	171	353	60	584
Selangor	355	238	13	606
Melaka	89	48	0	137
N.Sembilan	161	125	1	287
Terengganu	120	125	3	248
Kelantan	151	437	13	601
Pahang	176	280	0	456
Kedah	104	135	38	277
Pulau Pinang	269	72	6	347
Perlis	35	57	5	97
Unit Khas	31	403	1	435
JUMLAH	2,104	2,692	152	4,948

Bayaran kompaun dan denda yang dipungut dari sebanyak 36 kes yang diperolehi melibatkan binatang liar yang diperlindungi sepenuhnya, 1,022 kes binatang liar yang diperlindungi, 120 kes burung liar yang diperlindungi sepenuhnya, 1,344 kes burung liar yang diperlindungi dan 208 kes melibatkan trofi berjumlah \$316,378.00 (Lampiran A).

Sebanyak 33,029 lesen telah dikeluarkan dan hasil yang dipungut berjumlah \$1,689,826.00. Hasil yang dipungut daripada jualan barang-barang kes pula berjumlah \$51,399.00. Kebanyakan lesen yang dikeluarkan adalah lesen untuk menyimpan atau memelihara binatang liar dan burung liar yang diperlindungi (KPM 24A) iaitu berjumlah 10,928 lesen (Lampiran B).

Jumlah keseluruhan hasil yang dipungut oleh bahagian ini ialah \$2,057,603.00. Ia adalah pertambahan sebanyak 26.9 peratus berbanding dengan \$1,621,061.02 dalam tahun 1988. Bilangan dan jenis binatang yang telah dibunuh atau diambil daripada setiap kategori lesen-lesen untuk memburu atau menangkap hidupan liar yang dikeluarkan dapat dilihat di dalam Lampiran C. Bilangan yang diperolehi ini

adalah berdasarkan kepada catatan daripada setiap lesen yang dikembalikan semula kepada jabatan setelah tamat tempohnya.

KONVENSYEN PERDAGANGAN ANTARABANGSA SPESIES HIDUPAN LIAR DAN TUMBUHAN TERANCAM (CITES)

Persidangan ke tujuh parti-parti kepada Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Flora dan Fauna Terancam (CITES) telah berlangsung pada 9 hingga 20 Oktober di Lausanne, Switzerland. Telah dihadiri oleh 800 perwakilan dari 91 daripada 103 negara ahli serta perwakilan lebih daripada 135 organisasi bukan Kerajaan (NGO) mendapat perhatian daripada pihak antarabangsa.

Di dalam mesyuarat kali ini perbincangan tertumpu kepada isu untuk memasukkan Gajah Afrika (*Loxodonta africana*) dari Appendix II ke Appendix I. Tindakan ini bertujuan untuk menyekat perdagangan gading di peringkat antarabangsa serta hasil-hasil keluaran lain daripada spesies ini. Isu ini merupakan salah satu dari isu utama yang dibincangkan di sepanjang mesyuarat yang berlangsung selama dua minggu itu. Sebanyak 140 usul-usul tambahan bagi meminda appendix yang melibatkan 300 spesies tumbuh-tumbuhan dan haiwan telah juga dibuat. Akibat daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh ahli-ahli di dalam konvensyen ini, pertambahan sebanyak 20 spesies binatang dan lebih daripada 90 spesies tumbuhan diterima masuk ke dalam Appendix I manakala 760 spesies haiwan dan 22 spesies tumbuhan diterima masuk ke dalam Appendix II.

EKSPORT DAN EKSPORT SEMULA DARI MALAYSIA

Pengharaman eksport terhadap primat masih lagi berkuatkuasa. Di sepanjang tahun 1989, 5,974 reptilia hidup, 11,155 burung hidup dan 15 mamalia hidup telah dieksport. Di samping itu, 113,622 kulit reptilia dan 4,226 rama-rama yang diawet adalah merupakan eksport terofi yang utama. Lampiran D menyenaraikan maklumat terperinci mengenai keseluruhan eksport di bawah CITES. Lampiran E pula menunjukkan eksport semula.

PENYELIDIKAN HIDUPAN LIAR

Bahagian ini meneruskan penyelidikan terhadap hidupan liar dengan menjalankan kajian-kajian ke atas rusa, memerang, kambing gurun, biawak air, burung kuak, badak serta inventori rezab hidupan liar. Mamalia kecil juga ditangkap untuk koleksi muzium. Bahagian ini juga membuat banciaan terhadap burung mengharung dan meneruskan program menggelandang burung.

BADAK

Penyelidikan badak dalam kurungan dijalankan di Zoo Melaka. Penyelidikan terhadap kelakuan, kadar tumbesaran, pengaruh persekitaran, penyakit, pemakanan, penghadaman dan pengenalan spesies telah pun lengkap. Penyelidikan tumbesaran-nya telah dilakukan ke atas anak badak dengan pengambilan ukuran-ukuran fizikal tubuh badan pada masa yang sama setiap bulan. Tujuan penyelidikan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat berhubung dengan badak bagi kegunaan program pembiakan dalam kurungan dan untuk memperbaiki sistem pengurusannya.

Penyelidikan di lapangan juga dilakukan di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia untuk mengetahui taburan dan lokasi badak di habitat asal mereka. Kawasan yang telah dibanci termasuklah Hutan Simpan Bintang Hijau, Perak, Hutan

Simpan Sg. Karang, Selangor; dan Hutan Simpan Kuala Balah Kelantan. Penyelidikan seterusnya akan dijalankan di kawasan Hutan Simpan Gunung Inas Kedah di mana terdapat bukti seekor anak badak telah dilahirkan. Penyelidikan juga akan dijalankan di kawasan hutan di Grik, Perak.

KAMBING GURUN

Kegiatan penyelidikan kambing gurun telah terhenti sementara disebabkan oleh pertukaran Encik Rahim bin Ahmad iaitu pegawai penyelidik haiwan berkenaan ke Kelantan sebagai Ketua Jabatan. Encik Mustafa bin Abdul Rahman telah mengambil alih unit penyelidikan kambing gurun ini mulai daripada bulan Ogos, 1989.

Mulai bulan Ogos hingga ke akhir tahun ini, unit ini telah menumpukan aktiviti kajian ke atas teknik-teknik tangkapan dan cara-cara pengendaliannya selepas ditangkap. Di masa yang lalu, berbagai teknik telah dicuba untuk menangkap binatang ini. Teknik-teknik memerangkap seperti perangkap lubang, jaring dan kotak telah menemui kegagalan. Teknik yang paling berkesan ialah jerat simbat tali keluli.

Tinjauan juga telah dibuat untuk memastikan kawasan yang paling sesuai untuk operasi tangkapan. Faktor-faktor yang diambil kira untuk memilih kawasan tangkapan ialah:

- (i) Bilangan kambing gurun;
- (ii) Keadaan jalan masuk ke dalam kawasan tersebut dan
- (iii) Jarak antara kawasan tangkapan dengan tempat pemeliharaan.

Kajian mengenai cara-cara pengendalian selepas tangkapan telah dijalankan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kambing gurun yang ditangkap. Ini termasuk penggunaan ubat bius, perubatan, pengangkutan, penyesuaian, laktasi dan pemakanan.

Operasi tangkapan telah dimulakan dalam bulan Disember dan diteruskan ke tahun 1990. Kampong Langkap, Kuala Pilah, Negeri Sembilan telah dipilih sebagai kawasan yang paling sesuai untuk operasi ini.

RUSA

Kajian lanjutan terhadap rusa sambar (*Cervus unicolor*) telah dijalankan untuk mengetahui taburannya di Semenanjung Malaysia serta demografinya di Taman Negara. Borang-borang soalselidik dihantar kepada kesemua pengarah PERHILITAN negeri di Semenanjung Malaysia untuk mendapat maklumat mengenai bilangan hutan simpan, rezab hidupan liar, kehadiran rusa sambar di dalam hutan, bilangan kes yang berkaitan dengan rusa sambar serta status rusa sambar di negeri-negeri tersebut. Maklumat tambahan juga diperolehi daripada rekod-rekod musim pemburuan tahun 1986 dan 1987. Kesemua maklumat-maklumat yang diterima ini sedang dianalisa. Siasatan awal telah menunjukkan bahawa rusa sambar boleh didapati di semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Pulau Pinang dan Melaka.

Kajian demografi mengenai struktur sosial dan kepadatan rusa sambar telah dijalankan di Taman Negara pada bulan Januari hingga September, 1989. Tiga kaedah yang telah digunakan di dalam kawasan kajian 50 ha. berhampiran Kuala Tahan untuk mencapai tujuan tersebut ialah bilangan tapak, bilangan najis dan bilangan rusa sambar yang dapat dikesan pada waktu malam dengan menggunakan lampu suluh. Maklumat yang dikumpulkan sedang dianalisa dan didapati kaedah mengesan di waktu malam adalah lebih tepat diikuti oleh kaedah hitungan tapak dan hitungan najis. Alasan yang munasabah untuk menerangkan kelemahan kaedah hitungan najis adalah disebabkan oleh bilangan rusa yang rendah di kawasan itu.